

DIDIK ANAK BUDAYA KEWANGAN BERHEMAH

Oleh Khairunnezzam Mohd Noor

“IBU, duit belanja sekolah yang ibu berikan tak cukuplah”. “Ayah, harga makanan di kantin sekolah sudah naik, boleh tambah sedikit lagi duit saku saya?” Sebagai ibu bapa, pasti ada antara kita yang pernah mendengar anak merungut dengan nada seperti ini. Apa-apa yang tersirat ialah pernyataan bahawa wang perbelanjaan di sekolah yang diberikan sehari-hari sudah tidak cukup. Rungutan ini selalu kedengaran dalam kalangan anak yang tinggal di bandar besar, termasuklah Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Hari ini, RM5 sehari yang diberikan kepada setiap anak mungkin sekadar habis untuk membeli makanan di kantin sekolah pada waktu rehat kerana tidak termasuk bayaran untuk tambang bas awam, komuter, LRT, dan teksi. Begitu juga, pada zaman serba canggih dengan ledakan teknologi maklumat mutakhir ini, kebanyakan anak memerlukan ibu bapa memperuntukkan perbelanjaan yang lebih sedikit untuk melanggan perkhidmatan jalur lebar demi penerokaan ilmu pengetahuan melalui internet.

Diakui bahawa zaman sekarang tidak seperti 20 atau 30 tahun lepas kerana semua harga barangan atau perkhidmatan telah meningkat berlipat kali ganda lebih tinggi. Dahulu kantin sekolah menjual sepinggan nasi lemak pada harga sekadar 50 hingga 70 sen dan kadang-kadang dengan harga tersebut turut disertakan dengan telur goreng atau kuih. Pada suatu ketika dahulu, tambang bas untuk kanak-kanak mungkin sekadar 25 hingga 50 sen dan mereka diberi diskaun khas kerana masih

bersekolah. Sekarang terdapat syarikat bas yang tidak membezakan harga penumpang, sama ada orang awam ataupun kanak-kanak sekolah. Semuanya dianggap sama rata. Begitu juga dengan harga sebuah buku latihan yang dijual di sekolah yang harganya lebih daripada RM1 berbanding dengan 30 sen hingga 40 sen dijual pada sedekad yang lalu. Hanya kerana buku latihan sekolah terpampang cap dan logo sekolah, jangan terkejut sekiranya terdapat pelajar yang perlu membeli buku latihan tersebut pada harga yang sekali ganda lebih mahal daripada biasa.

Hal ini merupakan contoh yang sejajar dengan perkembangan taraf sosioekonomi masyarakat Malaysia yang semakin meningkat dan kuasa beli yang semakin besar dimiliki oleh segenap lapisan masyarakat. Hal ini tidak dapat disekat, bahkan tidak boleh dinafikan bahawa hak pihak terbabit untuk menetapkan harga perkhidmatan atau produk yang disediakan.

Mereka juga berhadapan dengan pengenalan cukai barangan dan perkhidmatan, kenaikan harga bahan mentah, pengangkutan, kos sewa, kos perkhidmatan, serta cukai yang juga semakin meningkat saban hari. Cumanya, apa yang perlu kita fikirkan untuk membantu anak dalam masalah wang belanja sekolah yang semakin menjerat dan tidak cukup?

Anak tidak seharusnya dibebankan dengan masalah sebegini kerana mereka perlu fokus kepada usaha menelaah pelajaran di sekolah dan seterusnya mendapatkan keputusan peperiksaan yang cemerlang.

Bagi ibu bapa yang berpendapatan tinggi, tuntutan anak terhadap tambahan wang saku bukanlah masalah besar, bahkan elaun saku untuk tempoh setahun pun boleh diberikan dalam satu-satu masa tanpa berfikir panjang.

Namun begitu, bagaimana pula dengan ibu bapa yang berpendapatan sederhana atau rendah, ditambah pula dengan golongan yang memiliki anak yang banyak dan bersekolah? Sudah pasti tuntutan wang saku

tambahan oleh anak benar-benar meletakkan mereka dalam dilema. Sebenarnya, terdapat beberapa kaedah yang boleh dipraktikkan oleh ibu bapa dalam mendepani permasalahan sebegini. Ada banyak agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang memberikan input berguna dan berstruktur yang boleh dipraktikkan oleh ibu bapa. Sebagai contoh, ibu bapa yang ingin menerapkan kemahiran pengurusan kewangan berhemah dalam kalangan anak mungkin boleh mempelajari modul Pengurusan Kewangan Peribadi yang ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi kerajaan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sejak 2006.

Bagitu juga dengan sumber yang jitu dan boleh diperoleh melalui banyak laman sesawang yang memberikan pelbagai petua dalam mendidik anak untuk membudayakan pengurusan kewangan yang berhemah. Yang penting ialah ibu bapa sendiri perlu menunjukkan contoh terbaik dahulu sebelum pembedayaan itu berlaku dalam kalangan anak.


Antaranya, mengajar anak untuk memahami dan mengamalkan budaya berjimat cermat dan tidak terlalu bermewah-mewah. Anak perlu dididik supaya tidak terikut-ikut gaya berbelanja besar oleh rakan yang terdiri daripada golongan berada. Perbelanjaan itu haruslah berpaksikan persoalan penting, seperti “cukupkah wang untuk membeli sesuatu item itu?”, “perluakah sesuatu item itu dibeli dan dimiliki?” atau “sejauh manakah faedah yang bakal diperoleh selepas membeli sesuatu item itu?” Apabila majoriti jawapan untuk persoalan sebegini memberikan jawapan tidak perlu dibeli dan dimiliki, hal ini membantu anak untuk tahu membezakan antara “keperluan” dengan “kehendak” terhadap sesuatu perkara.

Setengah ibu bapa mengamalkan kaedah berkongsi dengan anak tentang jumlah pendapatan ibu bapa dan perbelanjaan bulanan seisi rumah yang perlu dilaksanakan. Misalnya, mereka memberitahu anak tentang agihan perbelanjaan bulanan untuk makanan, bayaran bil air, elektrik dan telefon,

Children - General

CTR NO : 000027465

Ps : 60-62



insurans, sewa rumah, sewa kereta, sehinggalah agihan untuk tabungan kecemasan keluarga.

Dengan cara ini, anak dapat memahami hakikat bahawa ibu bapa sebenarnya tidak lokek untuk memberi mereka duit saku tambahan, tetapi mereka perlu mengutamakan keperluan kewangan yang lebih penting pada aspek yang lain.

Anak perlu dilatih untuk mengetahui aliran tunai wang perbelanjaan mereka. Caranya mudah, iaitu dengan melatih mereka untuk mempunyai buku akaun sendiri yang mencatatkan jumlah duit yang diterima oleh mereka dan jumlah duit yang dibelanjakan seharian. Dengan cara ini, anak faham bahawa jika wang keluar itu lebih banyak daripada wang masuk, ini menunjukkan mereka mungkin perlu menyingkirkan pembelian barangan yang tidak patut dan meragikan, sekali gus melatih anak supaya mereka perlu ada wang

simpanan untuk tujuan kecemasan dan keperluan terdesak pada masa depan.

Seterusnya, anak boleh dididik dengan konsep "sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit." Konsep sebegini amat digalakkan bagi anak yang mungkin mahu akan sesuatu, seperti membeli basikal, buku rujukan, dan alat permainan yang diidamkan, apabila mereka perlu menyimpan wang yang secukupnya hasil lebihan duit saku untuk memiliki apa-apa yang dikehendaki.

Konsep ini juga selaras dengan amalan menabung, sama ada menyimpan duit di dalam tabung di rumah, di institusi perbankan ataupun akaun amanah saham yang ternyata lebih selamat. Lebih-lebih lagi sejak lebih 10 tahun lepas, Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang diwujudkan bagi menggalakkan tabungan untuk pembiayaan pengajian anak di menara gading menjadi platform terbaik untuk anak membuat

tabungan. Melalui skim ini, bukan sahaja wang dapat disimpan dengan selamat, bahkan ibu bapa dan anak sendiri mendapat faedah sampingan, seperti pelepasan cukai, perlindungan insurans dan kadar dividen yang kompetitif.

Anak sebaik-baiknya dididik untuk menjadikan amalan membawa bekal makanan dari rumah sebagai rutin. Sudah tentu bekal yang dibawa lebih terjamin kebersihan dan keseimbangan khasiatnya.

Dalam hal menggunakan buku latihan, sewajarnya mereka diasuh untuk menggunakan semula buku latihan lama yang masih boleh digunakan. Selain itu, ibu bapa perlu menerapkan ajaran agama yang melarang seseorang untuk membazir kerana itu merupakan amalan kesukaan syaitan. Anak juga perlu diterapkan dengan amalan bersedekah kerana bersedekah itu tidaklah merugikan oleh sebab bakal diberiganjaran keberkatan dan pahala yang berlipat kali ganda oleh Allah.

Apabila anak dapat diasuh mentaliti dan tindakan mereka untuk berjimat cermat dan menghargai setiap jumlah wang yang dimiliki, maka diyakini bahawa mereka mampu membentuk peribadi berhemah dalam berbelanja dan mengusir jauh tabiat boros berbelanja. ●

